

**SIARAN MEDIA**  
**Kuala Lumpur, 22 Mac 2018**

**Khazanah ambil alih Prince Court Medical Centre (“PCMC”) daripada PETRONAS**  
*Turut menandatangani Perjanjian Kerjasama dengan IHH untuk mentransformasi PCMC*

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) pada hari ini mengumumkan bahawa ia telah memeterai Perjanjian Jual Beli Saham (“SPA”), menerusi anak syarikat milik penuhnya, Pulau Memutik Ventures Sdn. Bhd., bagi mengambil alih 100% kepentingan dalam Prince Court Medical Centre (“PCMC”) daripada Petroliam Nasional Berhad (“PETRONAS”) (menerusi anak syarikat milik penuhnya, PETRONAS Hartabina Sdn. Bhd.).

Pengambilalihan strategik ini merupakan satu lagi pencapaian penting bagi Khazanah dalam misinya untuk terus membangunkan sektor perkhidmatan penjagaan kesihatan di Malaysia. Khazanah akan menggunakan segala pengalaman dan kepakaran yang dimilikinya untuk mentransformasi PCMC menjadi sebuah hospital bertaraf dunia dalam segmen pelancongan perubatan dan seterusnya menjadikan Kuala Lumpur sebagai salah sebuah destinasi pilihan untuk penjagaan kesihatan berkualiti di rantau ini.

Pengambilalihan PCMC ini juga selari dengan aspirasi peringkat nasional menerusi, antara lainnya, Bidang Ekonomi Utama Negara (“NKEA”) di bawah Program Transformasi Ekonomi (“ETP”), untuk menggalakkan segmen pelancongan perubatan.

Seiring dengan pemeteraian SPA tersebut, Khazanah juga telah menandatangani satu lembaran termasuk Perjanjian Kerjasama dengan IHH Healthcare Berhad (“IHH”) bagi sokongan perkhidmatan bersama dan inisiatif peningkatan operasi di PCMC. IHH akan diberikan hak penawaran pertama untuk menguasai PCMC semasa tempoh yang telah dipersetujui.

Pengarah Urusan Khazanah, Tan Sri Datuk Wira Azman Hj. Mokhtar berkata, “Kami amat gembira kerana peluang untuk mengambil alih sebuah hospital terkemuka seperti PCMC amat jarang diperolehi. Kami telah melabur dalam Pantai Holdings Berhad pada tahun 2006 dan telah mentransformasi kumpulan tersebut untuk menjadi apa yang kita dikenali pada hari ini sebagai IHH Healthcare Berhad (“IHH”), sebuah hospital tersenarai yang terbesar dalam pasaran membangun yang memiliki kira-kira 10,000 katil di 10 buah negara. Dengan bekerjasama dengan IHH, kami berhasrat untuk mengangkat kedudukan PCMC menjadi sebuah hospital terkemuka yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan bertaraf dunia untuk pelancong perubatan.”



KHAZANAH  
NASIONAL

Di bawah terma SPA dengan PETRONAS, Khazanah akan mengambil alih PCMC pada harga yang dipersetujui setara dengan penilaian pasaran, yang perlu dibayar setelah selesai transaksi tersebut kelak. Khazanah menjangkakan urus niaga tersebut akan dimuktamadkan menjelang akhir suku kedua tahun 2018.

## TAMAT

*Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari [www.khazanah.com.my](http://www.khazanah.com.my) atau hubungi Mohd Raslan Md Sharif di +603 2034 0000, atau emel di [raslan.sharif@khazanah.com.my](mailto:raslan.sharif@khazanah.com.my).*

### **Tentang Khazanah Nasional Berhad**

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) adalah dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia yang diamanahkan untuk memegang dan mengurus aset komersial Kerajaan dan melaksanakan pelaburan strategik. Khazanah terlibat dalam pelbagai sektor seperti kuasa, telekomunikasi, institusi kewangan, penjagaan kesihatan, penerbangan, infrastruktur, rekreatif & pelancongan, harta tanah, kreatif & media, pendidikan, dan inovasi & teknologi. Beberapa syarikat senaraian awam dalam portfolio pelaburan Khazanah termasuk Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, CIMB Group, Axiata Group Bhd, IHH Healthcare Bhd, Malaysia Airports Holdings Bhd dan UEM Sunrise Bhd. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila lawati [www.khazanah.com.my](http://www.khazanah.com.my).